



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN TERHADAP NILAI PATRIOTISME DALAM NOVEL *LEFTENAN ADNAN* *WIRA BANGSA*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KAJIAN TERHADAP NILAI PATRIOTISME
DALAM *LEFTENAN ADNAN*
*WIRA BANGSA***

SARIPAH DORA BINTI ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (/)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..11.....(hari bulan).....11..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, SARIPAH DORA BINTI ISMAIL, M20152002176, INSTITUT PERADABAN MELAYU (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KAJIAN TERHADAP NILAI PATRIOTISME DALAM NOVEL LEFTENAN ADONAN WIRA BANGSA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR AZHAR BIN WAHID (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KAJIAN TERHADAP NILAI PATRIOTISME DALAM NOVEL LEFTENAN ADONAN WIRA BANGSA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (PERADABAN MELAYU) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

11-11-2020

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

KAJIAN TERHADAP NILAI PATRIOTISME DALAM

NOVEL LETTENAN ADNAN WIRA BANGSA

No. Matrik /Matic's No.:

M 2052002176

Saya / I :

SARIPAH DORA BINTI ISMAIL

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 23.12.2020

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Copi Rasmi / Name & Official Stamp)

PACIMADIA DR. AZHAR BIN WAHIB

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim

Perak

Catajan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah,,,

Setinggi-tinggi penghargaan,
Buat terutama, Penyelia Profesor Madya Dr Azhar Wahid,
juga
Profesor Madya Datuk Paduka Dr Mohd Rosli Bin Saluddin,

Selaut kasih buat,
Suami tercinta, Md Faizal Zakaria,
Puteri-puteri permata hati, Nur Dhiazara Imani Binti Md Faizal,
Serta,
Nur Dharwisyah Afifa Md Faizal,

Segunung cinta buat,
Bonda Che Siti Rahmah Binti Che Soh
Ayahanda Ismail Bin Muhammad.

Juga buat semua yang terlibat. Terima kasih atas ilmu, idea dan sokongan.



*Saripah Dora Binti Ismail
2021*





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji nilai patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang digunakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar Tingkatan 4. Kajian ini menggunakan teori Teksdealisme oleh Abdul Rahman Napiah. Kaedah kajian yang digunakan adalah reka bentuk kuantitatif dengan gabungan antara analisis teks, penilaian berstruktur di dalam kelas dan soal selidik. Kaedah analisis teks digunakan untuk menilai watak dan peristiwa yang menerapkan unsur patriotisme. Kaedah penilaian pra dan pasca di dalam kelas dijalankan bagi menilai kebolehan pelajar terhadap mendefinisikan maksud patriotisme. Penilaian ini dijalankan berdasarkan model penilaian formatif Tessmer. Sementara itu, soal selidik digunakan bagi mengenal pasti kesesuaian teks dengan peringkat usia pelajar. Tiga jenis instrumen kajian telah digunakan iaitu teks novel, rekod anekdot dan borang soal selidik. Instrumen tersebut telah disahkan oleh tiga orang pakar. Bagi menjalankan penilaian berstruktur, subjek kajian dipilih berdasarkan teknik persampelan kebarangkalian melibatkan 35 orang pelajar Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah kebangsaan di negeri Selangor. Soal selidik melibatkan 31 orang responden guru bahasa Melayu di daerah Hulu Selangor yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis menggunakan analisis teks novel, analisis korelasi dan analisis deskriptif. Hasil analisis teks novel oleh penyelidik menunjukkan bahawa terdapat 47 unsur patriotisme watak utama dengan 11 kekerapan menjurus kepada jati diri mengatasi unsur yang lain. Sementara itu, 16 watak sampingan lain turut mempamerkan patriotisme dengan kekerapan watak Pak Saidi mengatasi watak sampingan yang lain. Analisis statistik deskriptif menunjukkan tahap kebolehan pelajar mendefinisikan patriotisme selepas pengajaran aspek novel telah meningkat. Analisis korelasi pula menunjukkan hubungan positif yang kuat dan signifikan ($r=0.80$; $p<0.05$) di antara pembelajaran pelajar terhadap novel dan keupayaan pelajar memberi definisi yang tepat mengenai patriotisme. Data soal selidik menunjukkan 93.5% responden bersetuju bahawa teks novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini relevan dikaji oleh pelajar dan tidak wajar ditukarkan. Kesimpulannya, penggunaan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dapat meningkatkan pencapaian nilai patriostisme dengan positif dan signifikan selaras dengan prinsip keunggulan teks yang terdapat dalam teori Teksdealisme. Implikasi kajian menunjukkan pengajaran novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* semasa PdP guru bahasa Melayu boleh digunakan untuk meningkatkan kefahaman patriotisma dan jati diri dalam kalangan generasi muda.





THE STUDY OF THE ELEMENTS OF PATRIOTISM IN LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA NOVEL

ABSTRACT

This study aimed to evaluate the elements of patriotism depicted in *Leftenan Adnan Wira Bangsa* - a novel which has been selected for form four students. This study used Teksdealisme theory by Abdul Rahman Napiah. This study used quantitative design and it involved three data collection methods which were textual content analysis, in-class structured assessment and a set of questionnaire. The textual content analysis was meant to assess the characters' roles and events in the novel that reflected patriotism. The in-class pre and post assessment was carried out to evaluate the students' ability to define the word patriotism. This assessment was conducted using Tessmer's formative assessment model. The questionnaires were administered to 31 teachers to identify the appropriateness of the novel. Three types of discourse analysis instruments were used in this study and they were the novel, anecdotal record and a set of questionnaire. The instrument were validated by the three experts. To carry out the in-class structured assessment, the students were selected through a probability sampling technique. They were 35 form four students from a secondary school in Selangor. The teachers, however, were selected using a purposive sampling technique. They were 31 teachers who taught Malay language in the Hulu Selangor District. All data collected from the textual content analysis, in-class structured assessment and questionnaire were analysed using text analysis, descriptive analysis, and correlation analysis, respectively. Findings from the text analysis revealed that 47 elements of patriotism which were depicted through the main character but only 11 aspects of patriotism which were frequently appeared. In addition, 16 other supporting characters appeared in the novel with Pak Saidi was more prominent than the others. Descriptive statistics was utilised to determine the level of students' ability to define patriotism after they were exposed to the novel. Correlation analysis showed a significant and positive relationship ($r=0.80$; $p<0.05$) between the students' learning and their ability to define patriotism. The results showed that the students were able to define the word 'patriotism' after reading thoroughly the novel. Furthermore, the descriptive analysis showed that 93.5% of the respondents agreed that the text was appropriate and relevant for the students. In summary, the key finding showed that the novel '*Leftenan Adnan Wira Bangsa*' contained varied elements of patriotism which could be used to teach students the positive values of patriotism and identity based on the excellent principles in Teksdealisme theory. In implication, this study reveals that the novel can be used in the Malay Language subject in order to instil patriotism and identity among the adolescents.





KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1: PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	4
1.3 Pernyataan masalah	7
1.4 Objektif kajian	11
1.5 Soalan kajian	12
1.6 Kepentingan kajian	12
1.6.1 kepada Kementerian Pendidikan Malaysi	13
1.6.2 kepada Bahagian Teknologi Pendidikan	13
1.6.3 kepada guru bahasa Melayu dan pelajar	14
1.6.4 kepada ibu bapa	15
1.6.5 kepada masyarakat	15
1.7 Batasan kajian	16
1.8 Reka bentuk kajian	18





1.9 Kerangka Konseptual	20
1.10 Kesimpulan	21

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	23
2.2 Konsep patriotisme peringkat nasional	24
2.3 Nilai patriotisme dalam pengajaran novel	29
2.4 Tinjauan dalam negara	31
2.4.1 Kajian lepas unsur patriotisme	31
2.5 Tinjauan Luar Negara	42
2.5.1 Kajian lepas Patriotisme luar negara.	43
2.6 Kesimpulan.	45

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	48
3.3 Populasi dan persampelan	49
3.4 Instrumen Kajian	51
3.4.1 Instrumen kajian teks novel	52
3.4.2 Instrumen soal selidik	52
3.4.3 Instrumen rekod anekdot	53
3.5 Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen	55
3.6 Kaedah pengumpulan data	59
3.6.1 Menganalisis Teks Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa	60
3.6.2 Kaedah ke Perpustakaan	62
3.6.3 Kaedah penilaian dalam kelas	62
3.6.4 Kaedah kajian rintis	65





3.6.5 Kaedah soal selidik	66
---------------------------	----

3.7 Kaedah Analisis Data	66
--------------------------	----

3.7.1 Kaedah analisis kandungan dokumen	67
---	----

3.7.2 Kaedah analisis deskriptif	68
----------------------------------	----

3.8 Teori penulisan kesusasteraan	69
-----------------------------------	----

3.9 Kesimpulan	69
----------------	----

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	71
----------------	----

4.2 Dapatan analisis dokumen	72
------------------------------	----

4.3 Peranan watak dalam menyerlahkan nilai patriotisme	73
--	----

4.3.1 Peranan watak utama dalam menyerlahkan nilai patriotisme	75
--	----

4.3.2 Peranan watak sampingan dalam menyerlahkan nilai patriotisme	83
--	----

4.3.2.1 Watak sampingan satu: Pak Saidi	84
---	----

4.3.2.2 Watak sampingan dua: Penghulu Deraman	87
---	----

4.3.2.3 Watak sampingan tiga: Penduduk	88
--	----

4.3.2.4 Watak sampingan empat: Sophia	88
---------------------------------------	----

4.3.2.5 Watak sampingan lima: Sarjan Hasan	89
--	----

4.2.3.6 Watak sampingan enam: Pak Karim	90
---	----

4.2.3.7 Watak sampingan tujuh: Cikgu Osman	90
--	----

4.3.2.8 Watak sampingan lapan: Ibu	91
------------------------------------	----

4.3.2.9 Watak sampingan sembilan: Pak Samad	91
---	----

4.3.2.10 Watak sampingan sepuluh: Deris	92
---	----





4.3.2.11 Watak sampingan 11: Leman	92
4.3.2.12 Watak sampingan 12: Isa	93
4.3.2.13 Watak sampingan 13: Koperal Senin	93
4.3.2.14 Watak sampingan 14: Sarjan Husin	93
4.3.2.15 Watak 15: Prebet Shaari	94
4.3.2.16 Watak 16: Kapten Rix	94
4.4 Unsur patriotisme melalui jalan cerita novel	96
4.6 Analisis pentaksiran dalam kelas	102
4.7 Analisis soal selidik	112
4.7.1 Analisis latar belakang responden	112
4.7.2 Analisis bahagian A: Umur responden	113
4.7.3 Analisis bahagian A: Tahun perkhidmatan responden	115
4.7.4 Analisis bahagian B: Item satu	116
4.7.5 Analisis bahagian B: Item dua	117
4.7.6 Analisis bahagian B: Item tiga	118
4.7.7 Analisis bahagian B: Item empat	119
4.7.8 Analisis bahagian B: Item lima	121
4.7.9 Analisis bahagian B: Item enam	122
4.7.10 Analisis bahagian B: Item tujuh	123
4.7.11 Analisis bahagian B: Item lapan	124
4.7.12 Analisis bahagian B: Item sembilan	125
4.7.13 Analisis bahagian B: Item sepuluh	126
4.8 Kesimpulan	128



**BAB 5 : KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	130
5.2 Perbincangan dapatan kajian	130
5.2.1 Perbincangan dapatan kajian analisis teks	131
5.2.2 Dapatan kajian pentaksiran dalam kelas	139
5.2.3 Dapatan kajian soal selidik	141
5.3 Kesimpulan	144
5.4 Cadangan	145
5.4.1 Cadangan kajian lanjutan	145
5.4.2 Cadangan kepada pengkaji seterusnya	146
5.4.3 Cadangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia	147
5.5 Penutup	148

RUJUKAN



SENARAI JADUAL

No.	Jadual	Muka Surat
3.1	Bilangan responden guru bagi setiap lokasi kajian	51
3.2	Rumusan Instrumen Kajian Soal Selidik dan Bilangan Item	53
3.3	Panduan semasa menggunakan rekod anekdot	54
3.4	Jenis kesahan dalam kajian	57
3.5	Senarai pakar dalam kesahan instrumen soal selidik	58
3.6	Senarai pakar dalam kesahan instrumen rekod anekdot	59
3.7	Peringkat saringan data analisis teks novel	60
3.8	Ringkasan triangulasi metodologi kajian	68
4.1	Nilai patriotisme pada watak utama di dalam teks novel	76
4.2	Pengelasan unsur patriotisme pada watak utama mengikut kriteria	82
4.3	Kekerapan unsur patriotisme pada watak sampingan	95
4.4	Enrolmen pelajar tingkatan 4 yang terlibat dalam penilaian guru	102
4.5	Soalan yang dikemukakan kepada pelajar untuk penilaian dalam kelas	104
4.6	Analisis rekod anekdot pra dan pasca pengajaran di dalam kelas	108
4.7	Nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha	110
4.8	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi	110
4.9	Korelasi antara pengajaran novel dengan kebolehan pelajar mendefinisi patriotism	111
4.10	Bilangan sampel mengikut jantina	112
4.11	Kelas umur sampel terlibat	114





4.12	Kelas tahun perkhidmatan responden terlibat	115
4.13	Taburan kekerapan skor bagi item satu	116
4.14	Taburan kekerapan skor bagi item dua	117
4.15	Taburan kekerapan skor bagi item tiga	118
4.16	Taburan kekerapan skor bagi item empat	120
4.17	Taburan kekerapan skor bagi item lima	121
4.18	Taburan kekerapan skor bagi item enam	122
4.19	Taburan kekerapan skor bagi item tujuh	123
4.20	Taburan kekerapan skor bagi item lapan	125
4.21	Taburan kekerapan skor bagi item sembilan	125
4.22	Taburan kekerapan skor bagi item sepuluh	127





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka konseptual kajian	20
2.1 Hubungan proses kajian dan hasil kajian	24
2.2 Konsep bangsa Malaysia diubahsuai mengikut pandangan Ahmad Zaharudin Sani (2014)	26
2.3 Hubungan antara novel, guru dan pelajar membentuk unsur sehati sejiwa serta patriotisme.	31
3.1 Model Penilaian Formatif. (Ubah suai daripada Model Penilaian Formatif Tessmer (1993)	63
4.1 Peratusan responden mengikut jantina	113
4.2 Peratus responden mengikut kelas umur responden	114
4.3 Peratusan tahun perkhidmatan	115
5.1 Analisis sudut kajian untuk mencapai keunggulan mengikut teori Teksdealisme	132





SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KOMSAS	Komponan Kesusastraan Melayu
LAWB	Leftenan Adnan Wira Bangsa
M	Min
P	Purata
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SD	Sisihan Piawai
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





BAB 1

PENDAHULUAN



Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri penduduk Tanah Melayu. Pendudukan Jepun dari tahun 1941 hingga 1946 menyebabkan banyak peristiwa berdarah berlaku. Penentangan terhadap Jepun dilakukan oleh anak tempatan yang sanggup bermati-matian demi negaranya dengan matlamat ingin membebaskan tanah air dari cengkaman penjajah. Salah satu nama anak tempatan yang berani menentang penjajahan Jepun adalah Leftenan Adnan, kisah perjuangan Leftenan Adnan telah dibukukan dalam novel berjudul *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Bin Talib.





Leftenan Adnan merupakan salah seorang askar yang berjiwa patriotik (Nik Anuar Nik Mahmud et. al., 2011). Beliau yang merupakan anak sulung daripada tiga adik-beradik lelaki. Beliau dilahirkan di Sungai Ramal, Kajang Selangor pada 1915. Walaupun Adnan dihantar ke sekolah beraliran Inggeris, namun semangat patriotik tidak pernah luntur dalam diri beliau. Darah keturunan kepahlawanan yang mengalir di dalam diri Adnan juga menjadikan beliau amat berminat untuk menyertai pasukan askar meskipun ibu bapanya berharap agar Adnan menjadi seorang pendidik di samping seorang anak yang soleh yang boleh berbakti kepada bangsa, agama dan negara. Melihat kepada kesungguhan Adnan yang ingin menceburkan diri dalam bidang ketenteraan, ibu bapanya menyokong keputusan Adnan untuk berkhidmat sebagai askar yang sentiasa bersedia mempertahankan negara.



Sikap dedikasi yang ditunjukkan oleh beliau, menjadikan dia telah dipilih sebagai rekrut terbaik semasa hari tamat latihan. Beliau seterusnya ditugaskan di Singapura dan kemudiannya terpilih mewakili platoon askar Melayu dalam perbarisan semasa Pertabalan King George VI di London. Sekembalinya Adnan dari London, dia dinaikkan pangkat sebagai Leftenan. Semasa perang dunia kedua meletus, Leftenan Adnan telah ditugaskan sebagai Ketua Batalion yang mengawal Bukit Candu dan Pasir Panjang. Tentera British pula ditempatkan di Buena Vista, Labrador dan Alexandra.





Jepun hanya mengambil masa selama dua hari untuk meluaskan kuasa dan menakluk Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pulau Pinang. Pada 3 Februari 1942, Jepun menyerang Singapura dan tugas tentera Jepun lebih mudah dengan adanya kelengkapan perang yang lengkap, pengalaman berperang dengan negara China, semangat ketenteraan untuk menguasai Tanah Melayu dan tali barut yang bersetongkol dengan pihak Jepun. Pertempuran ini menyebabkan banyak nyawa terkorban. Dalam pertempuran dengan askar Jepun di pantai negeri Kelantan dan Singapura, askar Melayu telah menunjukkan semangat keperwiraan yang hebat, (Abdul Latip Talib, 2008). Seramai 152 orang askar Melayu telah terkorban termasuk tujuh orang pegawai Melayu dan enam orang pegawai British yang dipinjamkan kepada Rejimen Askar Melayu telah gugur dalam pertempuran tersebut. Semangat juang yang ditunjukkan oleh askar Melayu ini membuktikan bahawa unsur sehati sejiwa yang wujud menjadikan semangat patriotisme semakin mendalam dalam kalangan mereka.

Hal ini secara langsung akan menjadi contoh tauladan kepada generasi sekarang terutamanya golongan pelajar yang mengkaji teks ini untuk menerapkan semangat patriotisme yang tinggi dalam diri mereka. Peristiwa-peristiwa yang digambarkan dan dituliskan oleh pengarang menunjukkan bukti bahawa semangat kepahlawanan yang dicerminkan oleh askar-askar yang enggan menyerah kalah kepada pihak Jepun juga lambang keteguhan jati diri dan sayang akan negara. Misalnya, peristiwa Leftenan Adnan bersama 42 orang anggota askar Melayu yang masih





hidup pada ketika itu bersemangat mempertahankan kubu dan negara. Mereka telah berjuang berhabis-habisan sehingga gugur di medan perang. Sesungguhnya sumbangan mereka ini amat besar kepada sejarah kemerdekaan negara. Dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis setiap peranan watak-watak yang ditonjolkan dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* dan juga peristiwa-peristiwa berlaku yang mempunyai unsur unsur patriotisme.

1.2 Latar belakang kajian

Kajian ini membincangkan berkaitan aspek kajian utama iaitu nilai patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Novel karya

Abdul Latip Bin Talib ini merupakan novel kajian terbaru Komponan Sastera (KOMSAS) Tingkatan 4 yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 2015 menggantikan novel *Papa... Akhirnya Kau Tewas Jua*. Pemilihan untuk mengkaji novel ini atas alasan yang kukuh, kerana Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ini merupakan sebuah novel yang berupaya menyuntik semangat cinta akan tanah air dalam kalangan generasi muda.

Penyata Razak menjadi titik tolak dalam memupuk nilai patriotisme dalam kalangan pelajar apabila kerajaan menggesa penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah bagi menyemai sifat sehati sejiwa. Kesinambungannya diteruskan dalam Akta Pelajaran (1961) yang meletakkan bidang pendidikan sebagai satu





bidang yang menggalakkan perkembangan pelbagai bidang seperti kebudayaan sosial, ekonomi dan politik. Dalam membentuk negara yang maju, penerapan nilai dalam pengajaran terus menjadi tunjang dalam pendidikan.

Kepentingan nilai patriotik ini dapat menjadikan pelajar yang mampu bersaing di peringkat global dalam masa yang sama menekankan kemurnian sahsiah dan tetap mempunyai semangat patriotisme terhadap negara. Justeru, penerapan nilai patriotisme dalam pendidikan terutamanya melalui pengajaran bahasa Melayu amat penting memandangkan bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras bagi pelajar di Malaysia. Dalam menerapkan nilai patriotisme kepada pelajar,

guru masih mempunyai kekangan dan masalah. Namun masalah utama adalah masalah ketidakmampuan penerapan nilai patriotisme dalam isi kandungan kurikulum menjadi salah satu faktor penerapan nilai ini tidak berkesan semasa dan selepas PDPC dijalankan. Isu utama yang wajar diambil berat adalah kandungan pengajaran yang terdapat dalam teks misalnya teks KOMSAS yang melibatkan salah satunya adalah analisis novel.

Masalah juga wujud setelah PDPC yang dilakukan di dalam kelas tidak dapat mengesan tingkah laku pelajar yang berjaya memahami aspek patriotisme yang ditonjolkan dalam novel yang dikaji misalnya melalui peranan watak, rentetan peristiwa, tema dan pengajaran di sebalik cerita novel yang dibaca. Masalah menerapkan nilai patriotisme yang





semakin kurang ini juga terjadi akibat pelajar tidak dapat mendefinisikan maksud patriotisme dengan tepat dan mereka tidak berupaya untuk mempraktikkan nilai ini dalam kehidupan mereka. Masalah-masalah yang timbul ini menjadikan penerapan nilai patriotisme dalam pendidikan bahasa Melayu melalui pengajaran novel agak kurang berkesan.

Sepatutnya, penerapan nilai patriotisme dalam pengajaran novel bahasa Melayu ini menjadi faktor kepada kebolehan pelajar mengenal pasti kewujudan unsur patriotisme dalam novel dan seterusnya berupaya menyampaikan maksud patriotisme yang sebenar serta berupaya mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Hal ini atas beberapa faktor seperti pelajar pada usia remaja amat minat untuk membaca novel. Keupayaan murid mengenal pasti unsur patriotisme dalam novel yang dikaji amat penting supaya tunjang pendidikan negara yang mahu melahirkan pelajar yang bersifat patriotik dapat direalisasikan.

Selain peranan guru yang bertindak sebagai pemudah cara dan medium penyampaian nilai patriotisme dalam pendidikan bilik darjah, peranan Bahagian Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia juga penting agar pemilihan teks novel yang dibuat untuk kajian pelajar di dalam kelas sarat mengandungi nilai patriotik yang tinggi. Pemasalahan yang ada berkaitan teks yang dilaporkan seperti teks yang dipilih tidak berupaya menyampaikan nilai positif yang baik perlu dianalisis oleh pihak kementerian secara terperinci bertujuan untuk ditambah baik dari segi kandungan, kesannya kepada pelajar.





Dalam masa yang sama juga, permasalahan ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada penyelidik ilmiah dalam bidang bahasa yang berminat untuk mengkaji dan menyelidik secara terperinci bagi mencari penyelesaian kepada masalah yang timbul. Dalam penyelidikan Kajian Nilai Patriotisme dalam *Novel Lettenan Adnan Wira Bangsa* ini, semua permasalahan yang berkaitan difokuskan untuk mengesan peranan watak dalam menyerlahkan maksud patriotisme dan kewajaran teks novel ini dikaji oleh pelajar ataupun tidak. Permasalahan yang wujud ini sering kali dianggap sebagai isu yang berterusan dan wajar dikaji dengan lebih mendalam menerusi kajian fenomena. Interpretasi permasalahan yang berkaitan diperjelas dengan lebih lanjut dalam pernyataan masalah.



Sabtu tahun, nilai patriotisme yang semakin berkurang membimbangkan semua pihak. Menurut pandangan Khoo Kay Khim (2018), Kementerian Pendidikan Malaysia perlu melakukan rombakan terhadap subjek Sejarah dengan memasukkan patriotisme dan sejarah pembentukan Malaysia. Hal ini demikian kerana, semangat sayang akan negara sudah tidak sama seperti zaman dahulu terutamanya ketika zaman dahulu yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan dahulu. Bibit perpecahan kaum sudah mulai ada apabila terdapat sesetengah warganegara kita yang tidak bertanggungjawab memainkan isu-isu sentimen perkauman sehingga menyebabkan perpaduan negara semakin luntur. Sewajarnya isu ini perlu diselesaikan dengan mendidik golongan pelajar untuk sayangi negara.





Terdapat banyak juga kritikan terhadap karya sastera yang dijadikan novel serta antologi kajian pelajar-pelajar dalam sistem pendidikan negara kita hingga pihak kementerian perlu mengadakan perbincangan semula dengan pakar-pakar kesusasteraan bagi mengelakkan salah faham masyarakat (Khairil Awang, 2016). Hal ini berlaku kerana, sesetengah karya itu dianggap tidak sesuai dan kurang mengandungi nilai-nilai murni yang boleh dijadikan ikutan oleh pembaca. Tiada kajian dan penerangan yang jelas dan terperinci kepada masyarakat bagaimana sesuatu karya itu dipilih dan dipersetujui untuk dijadikan sebagai novel atau teks antologi untuk diajar kepada pelajar sekolah menengah.



(2015) berkaitan Keberkesanan Mata Pelajaran Sejarah Terhadap Pembinaan Etos Bangsa menunjukkan pengajaran mata pelajaran Sejarah ini kurang berkesan sebagai medium pembinaan etos bangsa dan hanya berada pada tahap baik sahaja dan pelajar perlu diberikan kefahaman berkaitan sejarah agar dapat menambahkan pengetahuan sejarah mereka. Analisis varians yang diperoleh daripada kajian Mansor dan Khairul Ghufran (2015) ini mendapati faktor etnik dan agama menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kepada responden dalam memberi maklum balas mengenai keberkesanan mata pelajaran Sejarah dalam membina etos bangsa dalam kalangan generasi muda. Kajian yang melibatkan pelbagai etnik ini wajar dibuat kajian lanjut bagi menilai





keberkesanan sesuatu pengajaran di dalam kelas dalam meningkatkan pengetahuan sejarah pelajar.

Kajian Mohd Hairul Anuar et. al., (2013) mengenai Penghayatan dan Kesedaran Patriotisme dalam Kalangan Pelatih Program Khidmat Negara pula menunjukkan 1010 orang remaja yang terpilih ke Program Khidmat Negara ini menunjukkan tahap penghayatan dan pengetahuan patriotisme yang tinggi dalam diri mereka iaitu sebanyak 83.5%. Namun hasil kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan pengetahuan, persepsi dan pemahaman berkait dengan tahap kesedaran nilai patriotisme bagi setiap bangsa yang dinilai iaitu bangsa Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Hal ini menampakkan

bahawa kesedaran tahap patriotisme yang ada dalam diri pelajar tidak seimbang antara kaum di Malaysia.

Berbeza pula dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Mahadee dan Mansor (2013) dalam Menifestasi Pendidikan Sivik dalam kalangan Alumni Program Latihan Khidmat Negara terhadap 431 orang penuntut Universiti Putra Malaysia mendapati tahap pengetahuan sivik remaja khususnya berkaitan dengan perkembangan sejarah negara hanyalah pada tahap yang memuaskan sahaja iaitu dalam kalangan 58 peratus hingga 72 peratus sahaja. Oleh itu, penerapan nilai patriotisme perlu dilaksanakan ketika di bangku sekolah lagi.





Golongan remaja dan belia kini semakin tidak mengerti nilai patriotik dan simbol negara yang utama seperti bendera Malaysia. Buktinya ada segelintir anak muda Malaysia berarak membawa bendera baharu yang digelar ‘Sang Saka’ pada malam sambutan kemerdekaan negara, 31 Ogos 2012. Pandangan Mohammad Ayub dan Mohamad Rafiq (2012) juga menyelar tindakan ini dengan menyatakan bahawa jika golongan ini tidak memahami konsep yang dibawa oleh sesebuah negara menjadikan mereka mudah dihasut dan tindakan sebegitu amat merugikan sesebuah negara seperti Malaysia.

Unsur patriotisme juga tidak jelas ditunjukkan oleh masyarakat kini. Sikap pentingkan diri sendiri makin jelas wujud dalam kalangan

generasi muda kini. Malah ada segelintir generasi muda yang menganggap bahawa semangat perpaduan dan cinta akan negara ini tidaklah penting dalam kehidupan mereka kerana mereka hidup dalam zaman yang serba serbi senang diperoleh dan tidak pernah merasai perit getir kehidupan nenek moyang di zaman penjajahan. Hal ini bersamaan dengan pandangan Noor Mohamad (2012:28), yang menyatakan isu perpaduan kaum dan semangat patriotisme terus menjadi topik hangat sejak akhir-akhir ini memandangkan banyak persoalan berkaitan patriotisme terhadap golongan belia kita, seperti mampukah generasi kini mempertahankan kemerdekaan yang dikecap dan kontrak sosial yang telah dimetrai oleh generasi dahulu. Hal ini seringkali dibangkitkan apabila pelbagai isu sensitif dimainkan saban hari seperti penggunaan kalimah Allah dalam kitab Bible, penghinaan terhadap ibadah puasa dan hari raya menerusi





video dan isu lagu kebangsaan Malaysia, lagu ‘Negaraku’ telah ditukar lirik dan irama menjadi lagu ‘Negarakuku’ (Dewan Siswa, 2013:38).

Menyedari hakikat ini, pengkaji berharap agar dapat membuka minda masyarakat untuk menanam kembali semangat patriotisme serta menekankan unsur sehati sejiwa dalam kehidupan kita. Hal ini berikutan kekurangan bukti yang dijalankan oleh pengkaji dahulu terhadap nilai patriotisme dalam novel yang diguna pakai di peringkat sekolah. Dalam kajian ini, pengkaji akan menjalankan kajian lanjut bagi menganalisis setiap peristiwa sejarah dan peranan yang dimainkan oleh watak-watak yang ditonjolkan dalam penceritaan novel ini bagi menunjukkan terdapat nilai patriotisme dalam diri mereka yang diceritakan kembali dalam bentuk penulisan dan diterbitkan buat tatapan umum.



1.4 **Objektif kajian**

Objektif Kajian Nilai Patriotisme dalam *Novel Lettenan Adnan Wira Bangsa* ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui:

- 1.4.1 Mengenal pasti peranan watak dalam menyerlahkan nilai patriotisme.
- 1.4.2 Merekod peristiwa-peristiwa patriotik melalui jalan cerita yang diketengahkan oleh pengarang di dalam novel.
- 1.4.3 Menganalisis kesan pengajaran novel terhadap kebolehan pelajar mendefinisikan patriotisme dengan tepat.





- 1.4.4 Menilai keunggulan kandungan teks novel dan aspek kepengarangan sebagai teks sesuai di kaji oleh pelajar.

1.5 Persoalan kajian

Persoalan kajian penting kepada pengkaji untuk mencari kaedah kajian dan mendapatkan hasil kajian yang menjawab persoalan ini. Dalam kajian ini, persoalan kajian adalah:

- 1.5.1 Apakah peranan watak utama dan watak sampingan dalam menyerlahkan nilai patriotisme?
- 1.5.2 Apakah peristiwa-peristiwa patriotik yang diketengahkan oleh pengarang di dalam novel?



- 1.4.4 Apakah wajar atau tidak teks novel ini dikekalkan sebagai teks kajian KOMSAS bagi pelajar tingkatan empat?

1.6 Kepentingan kajian

Kebanyakan negara bangsa yang baru mencapai kemerdekaan masih bergelut dengan pelbagai masalah yang membawa kepada perpecahan dalaman dan menyebabkan asas perpaduan sentiasa tergugat, (Abd Rahim Abd Rashid, 2007:24). Menyedari hakikat itulah pentingnya kajian terhadap kesan patriotisme dalam teks kupasan komponen sastera ini dijalankan. Hal ini demikian supaya, kajian ini dapat menemukan satu





idea baru dalam mengukuhkan perpaduan seterusnya memupuk semangat patriotisme dalam kalangan warga Malaysia melalui pembacaan novel kajian teks KOMSAS yang relevan di peringkat sekolah lagi.

1.6.1 Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Bagi pihak kementerian pula, dapatan kajian ini dapat memberikan maklum balas kepada pihak mereka sama ada pengajaran novel KOMSAS ini mempunyai nilai patriotisme seperti yang diharapkan dalam kurikulum pengajaran KOMSAS di sekolah. Penerapan nilai patriotisme dalam pengajaran sesebuah novel di dalam kelas dapat dijadikan sebagai pemangkin kepada pembentukan generasi yang tidak bersikap

individualistik dan seterusnya dapat menyatupadukan masyarakat.

Masyarakat yang bersatu padu akan menerbitkan nilai patriotik dalam diri mereka.

1.6.2 Kepada Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP)

Seterusnya Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dapat menjadikan disertasi ini sebagai panduan kepada mereka bagi membina perisian berkaitan novel yang dikaji agar pengajaran berkaitan novel untuk setiap tingkatan menjadi lebih menarik dan berkesan. Perisian yang dibina seperti cakera padat yang mempunyai penekanan terhadap lakonan di sebalik peristiwa dan watak yang dapat menambahkan nilai patriotisme pelajar seterusnya dapat diedarkan ke





seluruh sekolah di Malaysia. Perisian untuk pengajaran novel KOMSAS ini dapat menarik minat pelajar untuk menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru. Pihak BTP boleh memikirkan medium penyampaian yang sesuai, misalnya melalui watak animasi supaya dapat menarik minat pelajar mengetahui peristiwa sejarah dan mengambil iktibar, nilai dan pengajaran di dalamnya. Hal ini dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek bahasa Melayu dan nilai yang ingin disampaikan kepada pelajar seperti nilai perpaduan, patriotik, kasih sayang dan nilai-nilai yang lain agar cepat diajar kepada pelajar seterusnya mencapai matlamat utama pengajaran KOMSAS iaitu untuk membentuk perpaduan dan semangat patriotik dalam diri pelajar.



Kajian ini penting dalam memberikan panduan dan maklumat kepada guru-guru bahasa Melayu yang mengajar KOMSAS agar sesuatu penyerapan unsur dan nilai dapat diterapkan dalam diri pelajar melalui pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Misalnya penyerapan semangat patriotik yang terdapat di dalam sesebuah teks novel KOMSAS. Maklumat yang dikumpul ini dapat dijadikan panduan kepada guru untuk mendalami dalam mengumpul sebanyak mungkin kaedah mengajar yang sesuai untuk penerapan nilai yang maksimum dalam diri pelajar. Hasil pembelajaran terhadap murid juga diharap dapat menerapkan nilai yang baik dalam diri mereka seterusnya dapat memupuk perpaduan dan patriotik dalam komuniti pelajar.





1.6.4 Kepada ibu bapa

Kajian ini penting bagi menyelesaikan masalah yang wujud dalam segelintir ibu bapa yang meragui pemilihan sesuatu teks untuk dijadikan kajian di peringkat sekolah. Kajian ini dapat menjawab segala permasalahan yang telah disebutkan dalam persoalan kajian. Hasil yang diperoleh daripada kajian yang dilakukan akan dapat membantu ibu bapa untuk mengetahui dengan makna patriotik yang terdapat dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Dalam masa yang sama, ibu bapa dapat mengetahui kesesuaian novel ini dikaji serta aspek mendapat maklumat sama ada karya pengarang ini unggul atau sebaliknya.



Kajian ini juga dapat mengetengahkan elemen perpaduan yang menjadi dasar kepada patriotisme tanah air. Nilai ini juga penting dalam memupuk perpaduan dan kerjasama dalam masyarakat. Dengan adanya kerjasama ini, sebarang perkara yang sukar dan mustahil untuk dicapai menjadi mudah untuk diselesaikan, (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2007:23). Selain itu, semangat patriotisme dalam novel dapat dibuat perbandingan serta hubung kait dengan kehidupan masyarakat kini. Kajian ini diharapkan dapat membetulkan fahaman berkaitan semangat patriotik dan amatlah diharapkan agar menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang berkaitan.





1.7 Batasan kajian

Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji membataskan aspek kajian hanya melibatkan sebuah novel sahaja iaitu novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang telah dipilih sebagai novel baharu dalam kajian novel Komponen Sastera (KOMSAS) tingkatan empat pada tahun 2015 di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* merupakan hasil karya Abdul Latip Bin Talib yang merupakan penulis yang cukup dikenali ramai kerana banyak menulis tentang kisah hidup perjuangan tokoh Islam dan tanah air.



Novel yang mengandungi sebanyak 360 halaman muka ini telah dicetak oleh BS Print (M) Sdn Bhd, cetakan pertamanya pada 19 Ogos 2008 telah diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan PTS Fortuna Imprint bagi PTS Publication & Distributors Sdn Bhd. International Standard Book Number atau dikenali sebagai ISBN bagi novel ini adalah 978-967-5136-16-0. ISBN diperoleh daripada International ISBN Agency yang berpusat di London manakala Perpustakaan Negara Malaysia telah dilantik sebagai Pusat Kebangsaan ISBN di Malaysia mulai Ogos 1982. Fokus kajian adalah untuk mengenal pasti nilai patriotisme yang menjadi teras dalam penceritaan novel ini. Kajian yang dilakukan ini lebih kepada bersifat analisis teks asal novel bagi mencari watak dan peristiwa yang menggambarkan nilai patriotisme.





Batasan kajian yang berkaitan pengumpulan data melalui pentaksiran berstruktur berdasarkan penilaian formatif terhadap responden yang melibatkan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa iaitu sekolah kategori luar bandar. Bagi pengumpulan data, pengkaji menggunakan metodologi pentaksiran berstruktur melibatkan responden seramai 35 orang pelajar tingkatan 4 yang berusia 16 tahun dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit sentosa, Rawang, Selangor. pentaksiran ini dilakukan di dalam kelas dan kemudiannya dicatat di dalam instrumen borang anekdot mengikut kriteria yang telah ditentukan dalam senarai semak. Penilaian formatif melalui pentaksiran dijalankan pra dan pasca iaitu sebelum pengajaran aspek novel di dalam kelas dan selepas pengajaran novel di dalam kelas dijalankan. Kriteria pentaksiran

lebih kepada tingkah laku dan kebolehan pelajar sebelum dan selepas guru mengajarkan aspek novel di dalam kelas. Pentaksiran dilakukan menerusi ujian rujukan kriteria dengan merekodkan pelajar sama ada telah mengusai, sedang maju atau belum menguasai tajuk.

Tinjauan kajian soal selidik pula melibatkan populasi 5 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa sebagai kajian rintis bagi mencari masalah dan kelemahan yang wujud dalam instrumen soal selidik dan guru diberikan masa selama sepuluh minit untuk menjawab item yang dikhususkan. Selepas kajian rintis, soal selidik yang sebenar telah dijalankan di 16 buah sekolah menengah di daerah Hulu Selangor melibatkan seramai 31 orang guru. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif.





1.8 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian perlu bagi menjelaskan kerangka konseptual rancangan penyelidikan sesuatu tajuk dijalankan. Perkara ini penting bagi menguji hipotesis melalui dapatan dan membuat sasaran kajian.

Pengajaran novel yang berkesan dapat meningkatkan kebolehan pelajar mendefinisikan patriotisme dengan tepat, dan membuat penilaian novel ini sama ada novel yang dikaji ini unggul kerana dipilih sebagai novel kajian peringkat sekolah. Perkara ini akan dikaji dan diselidik bagi membuktikan betul atau tidak jangkaan awal dalam sesuatu kajian, (Abdul Rahman Haji Abdullah, 2005:173). Hal ini sama dengan pandangan Bhasah Abu Bakar (2007:5) yang menyatakan bahawa jangkaan awal memberikan panduan atau arah dalam penyelidikan supaya penyelidik tidak tergelincir daripada apa yang hendak dicari atau dikaji.

Bagi mengkaji novel ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan rekabentuk kuantitatif iaitu dengan memfokuskan kepada pengumpulan yang mempunyai kesahan serta kebolehpercayaan.. Teks yang dipilih ini telah dijadikan teks kajian novel oleh pelajar tingkatan empat zon empat. Pengumpulan data melibatkan kaedah ke pustakaan untuk mencari sebanyak mungkin maklumat yang berkaitan. Maklumat yang memerlukan rujukan adalah seperti pendefinisan istilah, membuat tinjauan literatur dan menganalisis maklumat berkaitan tajuk. Kajian melalui bahan perpustakaan juga dilakukan bagi membantu





pengkaji mencari maklumat berkaitan dengan isu-isu semasa. Sumber-sumber maklumat ini amat penting dalam mengukuhkan hasil dapatan baru yang bakal diperoleh nanti.

Kaedah pengumpulan data melalui pentaksiran dilakukan di dalam kelas 4 Komoditi yang melibatkan responden seramai 35 orang. Kaedah ini memerlukan pengkaji memerhati dan merekodkan segala maklumat yang berkenaan. (Fauzi et al., 2014:124). Semua responden merupakan pelajar tingkatan empat yang berusia 16 tahun dan belajar di SMK Bukit Sentosa. Pentaksiran dilakukan semasa pengajaran, pembelajaran dan pemudahcaraan dijalankan di dalam kelas berdasarkan senarai semak yang telah ditentukan oleh pengkaji dan telah disahkan oleh



Pengumpulan data primer juga memerlukan pengkaji menjalankan uji kaji untuk kumpulkan data melalui kaedah tinjauan menerusi tinjauan soal selidik (Fauzi et al., 2014:119). Kaedah pengumpulan data secara kuantitatif melalui tinjauan soal selidik menggunakan instrumen yang digubal khas ini juga dilakukan terhadap guru bahasa Melayu di Daerah Hulu Selangor yang dipilih. Sebelum tinjauan soal selidik dijalankan. Pengkaji akan melakukan kajian rintis soal selidik yang ditadbir sendiri oleh pengkaji terhadap 5 orang guru yang mengajar peringkat menengah atas di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa. Soalan soal selidik ini mempunyai bahagian A yang mengandungi item demografi dan bahagian B yang mengandungi 10




item soalan. Soal selidik ini disusun mengikut skala likert. Item soal selidik ini dapat membantu pengkaji mendapatkan data yang lebih tepat dan membantu pengkaji menjawab soalan kajian yang telah dilakukan.

Kepelbagaiannya kaedah pengumpulan data atau disebut triangulasi data dalam kajian ini dapat membantu pengkaji mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan meluas. Kaedah ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang tekal dan boleh dipercayai.

1.9 Kerangka konseptual

Kerangka konseptual adalah untuk menggariskan tindakan atau

membentangkan satu pendekatan pilihan kepada suatu idea. (Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2014:35). Kerangka konseptual dapat digambarkan seperti dalam rajah di 1.1:



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian



Kajian dimulakan dengan menilai dan memilih tajuk kajian yang sesuai, kemudiannya pengkaji memilih metodologi kajian yang sesuai untuk memudahkan pengkaji menetapkan instrumen kajian yang betul. Setelah itu, pengkaji mengumpulkan data menggunakan triagulasi data dan seterusnya menulis analisis deskriptif. Pentaksiran dijalankan terhadap sekempulan pelajar di dalam kelas. Kemudian, pentaksiran dicatatkan menggunakan anekdot untuk memudahkan pengkaji menganalisis data. Selain itu, kajian juga dijalankan menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 10 item soalan. Soal selidik ini dijalankan terhadap guru-guru yang mengajar menengah atas di 17 sekolah menengah dalam Daerah Hulu Selangor. Setiap sekolah diwakili oleh seramai 2 orang guru yang menjawab item soal selidik ini.



Seterusnya kajian juga dilakukan dengan menggunakan analisis teks di perpustakaan bagi mencari sebanyak mungkin dapatan berkaitan patriotisme dan pengkaji juga menjalankan analisis teks novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang menjadi teks kajian pelajar tingkatan empat di negeri Selangor. Data-data yang diperoleh ini dikumpulkan dan dianalisis untuk ditulis di dalam bab empat iaitu bab Dapatkan Kajian.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini dengan lebih lanjut tentang elemen perpaduan dan semangat patriotisme atau rasa cinta akan negara yang ditulis dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* wajar diteruskan kerana dapatan yang





diperoleh banyak kepentingannya. Novel yang telah ditulis oleh Abdul Latip Bin Talib ini telah dijadikan teks kajian secara langsung oleh pengkaji memandangkan novel ini terpilih sebagai novel yang digunakan dalam aspek kajian KOMSAS di sekolah. Pemilihan Leftenan Adnan Bin Saidi sebagai watak utama dalam novel ini secara langsung akan menjadi contoh dan tauladan kepada generasi muda kini dalam menyerapkan unsur patriotisme dalam masyarakat dan semangat patriotik terhadap negara. Sumbangan besar yang diberikan oleh Leftenan Adnan ini dipandang sebagai jasa yang cukup besar kepada negara sehingga Kementerian Pertahanan Malaysia juga turut menamakan ‘Adnan’ sebagai aset ketenteraan negara Malaysia iaitu pada kereta perisai berantai ACV-300S Adnan sempena nama Leftenan Adnan.

